

BAB IV

FALSAFAH PERUBATAN MELAYU

4.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini akan dibentangkan teras perubatan Melayu. Teras ini mengandungi (i) falsafah bomoh Melayu dan masyarakat tentang kehidupan secara umum dan yang berkaitan dengan kesihatan dan penyakit (ii) konsep-konsep asas, dan (iii) etiologi penyakit dan keuzuran.

Sistem perubatan tradisional Melayu mencerminkan falsafah orang-orang Melayu dan berkisar pada persoalan tentang bagaimana kehidupan itu harus dilalui. Bomoh, sebagai seorang anggota masyarakat membina falsafahnya daripada faktor-faktor sosiobudaya yang membentuk pemikiran masyarakat. Faktor sosiobudaya yang utama ialah kepercayaan kepada agama Islam. Islam yang dianuti oleh nenek moyang orang-orang Melayu sejak Abad ke 13 dahulu menjadi landasan pemikiran dan mencorakkan budaya mereka. Islam menggariskan peraturan dan panduan yang meliputi setiap aspek kehidupan dan penganutnya diwajibkan mengikut peraturan ini agar kehidupannya terjamin. Satu daripada aspek kehidupan itu ialah yang berkaitan penjagaan kesihatan dan perubatan.

Perubatan Melayu berteraskan tauhid, iaitu kepercayaan kepada keesaan Allah (meliputi zat, sifat dan perbuatanNya), prinsip-prinsip yang didasarkan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi. Kedua sumber ini merupakan saluran untuk membuka pemikiran manusia mencari hakikat kejadian dirinya dan alam semesta. Di samping itu bomoh juga menggunakan petua dan pantang-larang sebagai tradisi pengalaman orang-orang tua sezaman dan yang terdahulu daripada mereka.

4.1 FALSAFAH KEHIDUPAN

Falsafah kehidupan merangkumi kepercayaan kepada Pencipta dan ciptaanNya, kejadian manusia dan peranan mereka di muka bumi. Falsafah ini juga meliputi nilai-nilai moral bagi manusia menjalani kehidupan. Kehidupan bagi pengamal perubatan Melayu ialah kehidupan di dunia dan hubungannya dengan kehidupan di alam akhirat. Maka dalam hal ini bomoh menjelaskan beberapa kepercayaan dan keyakinan utama yang menjadi teras pegangan orang-orang beriman.

i) Kepercayaan kepada pencipta

Allah adalah Tuhan sebenar dan Dialah yang mencipta segalanya, sama ada yang telah berlalu atau yang akan datang. Kepercayaan ini berpandukan ayat 11, Surah Faathir yang bermaksud:

"Dan Allah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari air mani, kemudian Dia menjadikan kamu berpasangan (laki-laki dan perempuan). Dan tidak ada seorang perempuan yang mengandung dan tidak (pula) melahirkan melainkan dengan sepengetahuanNya. Dan tidak dipanjangkan umur seseorang yang berumur panjang dan tidak pula dikurangi umurnya, melainkan (sudah ditetapkan) dalam Kitab (Luh Mahfuz). Sesungguhnya yang demikian itu bagi Allah adalah mudah." (Al-Quran dan Terjemahannya, 1992)

Ciptaan Allah merangkumi semua yang bernyawa (manusia dan haiwan), yang tidak bernyawa tetapi hidup (tumbuhan), wujud tetapi tidak bernyawa (sungai, bukit, bumi, udara, cakerawala). Ciptaan Allah termasuk juga makhluk ghaib atau halus (malaikat, syaitan, jin). Sebagai Pencipta, Allah berkuasa atas setiap kejadian, sama ada besar atau kecil, yang boleh dilihat atau tidak. Allah juga menentukan hidup mati dan rezeki ciptaanNya itu. Ini dinyatakan oleh Allah dalam Surah al Hadid, ayat 2 yang bermaksud:

"KepunyaanNya kerajaan langit dan bumi. Dia yang memberikan kehidupan dan kematian, dan Dia yang Maha Kuasa atas segala sesuatu" (Tafsir Quran, 1992)

Antara seluruh ciptaan Allah manusia menduduki tahap tertinggi oleh kerana dia mempunyai akal sedangkan haiwan hanya mempunyai naluri semata-mata. Golongan manusia dan jin terbahagi dua, satu yang beriman kepada Allah (percaya dan taat kepada perintah Allah) dan satu lagi yang kafir. Yang beriman diwajibkan tunduk kepada peraturan seperti yang terdapat dalam kitab suci al-Quran dan hadis Nabi, manakala golongan yang kufur sentiasa ingkar kepada suruhan Allah. Mengikut al-Quran manusia diciptakan

untuk menjadi khalifah atau pemerintah di muka bumi. Hakikat ini terdapat pada Surah al-Baqarah, ayat 30 yang bermaksud:

Dan ketika Tuhan menyatakan kepada malaikat: "Aku menempatkan khalifah di muka bumi". Kata malaikat: "Mengapa Engkau menempatkan di muka bumi orang yang akan membuat bencana di situ dan menumpahkan darah sedang kami tasbih memuji Engkau dan mensucikan (memuliakan) Engkau. Kata Tuhan: "sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui" (Tafsir Quran, 1992)

Untuk memudahkan tugas ini Allah menetapkan bahawa segala yang terdapat di permukaan bumi dan di sekelilingnya adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia. Ini termasuk matahari, angin, air, tumbuhan, haiwan dan galian yang terdapat di dalam perut bumi dan di dasar lautan. Air, tanah dan matahari menjadi sumber tumbuhan, dan daripada tumbuhan manusia mendapatkan makanan, tempat berlindung, pakaian dan juga untuk bahan ubatan. Setiap ilmu yang diperolehi manusia untuk dimanfaatkan bagi kehidupan diperolehi melalui ilham daripada Allah. Begitu juga ilmu mengenai kegunaan tumbuhan sebagai bahan ubat-ubatan, tanpa ilmu daripada Allah manusia tidak tahu tumbuhan yang mana satu boleh dijadikan ubat. Ilmu membolehkan manusia memilih tumbuhan yang berguna kepada kesihatannya, juga memberikannya cara untuk menanamnya agar dapat digunakan di masa akan datang dengan cara yang lebih mudah.

Bahan alam kedua yang begitu penting kepada kehidupan dan kesihatan manusia ialah air. Allah memberikan beberapa punca air untuk digunakan oleh

manusia. Ini termasuk air dari lautan, sungai, tasik, air hujan, air dari mata air. Selain daripada menjadi sumber minuman dan sumber makanan air digunakan untuk menyegarkan tubuh badan dan untuk mencuci kekotoran fizikal dan batin.

Allah mencipta sesuatu berserta dengan sifat perlakuannya. Ertinya, setiap sifat fizikal yang nyata (seperti sel, tulang, darah, saraf, warna) mempunyai sifat perlakuan (seperti bersuara, mendengar, melihat, bergerak). Ini juga bererti bahawa setiap perlakuan itu merupakan ketentuan Allah. Setiap perlakuan terbahagi kepada sifat fizikal dan sifat spiritual. Perlakuan mempunyai dua jenis, satu yang bergerak seperti berjalan dan berlari, dan satu lagi diam seperti tidur atau duduk tetap. Bergerak bermakna berubah keadaan dari satu masa ke satu masa dan dari tempat ke tempat. Diam adalah lawan gerak. Kesemua sifat dan perlakuan ini terdapat pada manusia dan haiwan dan boleh dilihat atau dirasa dengan pancaindera atau dengan alat-alat tertentu. Berlainan pula dengan sifat spiritual. Ianya merangkumi dua bahagian. Pertama ialah apa yang dinamakan pemikiran (lahir daripada proses akal). Proses yang berlaku tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tetapi dilihat pada perlakuan. Misalnya, jika seseorang terkena benda panas dengan serta merta dia menarik tangannya daripada benda itu kerana dia tahu benda itu boleh membahayakan dirinya. Kedua ialah sifat-sifat batin atau sifat-sifat hati. Sifat-sifat ini juga tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi diketahui daripada

perlakuan yang zahir. Misalnya, perasaan marah dapat dilihat pada perbuatan memukul orang yang dimarahi, atau perasaan sayang dapat dilihat pada perbuatan menjaga sesuatu itu dengan baik.

Oleh kerana manusia diberi akal untuk berfikir, maka Allah mempertanggungjawabkan kepada mereka urusan yang berhubung dengan kehidupan. Bidang urusan kehidupan ini luas sekali dan meliputi hal-hal yang bersangkutan diri individu, keluarga, masyarakat dan negara. Dalam konteks inilah bomoh mempunyai tanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat dan negaranya.

Kehidupan bagi manusia adalah kehidupan di dua alam, satu alam nyata, dan satu lagi alam akhirat. Alam kedua ini bermula selepas mati. Walaupun keduanya nampak terpisah, keduanya sentiasa berhubungan. Bahkan hakikat kehidupan manusia itu ialah proses yang membawanya ke alam 'kehidupan' di akhirat, yang akan dimulainya setelah kehidupan dunianya tamat.

Semasa hidup manusia dibantu oleh empat unsur. Menurut Imam Gazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin*⁴, empat unsur itu ialah *al-qalb* (hati), *an-nafs* (nafsu), *ar-ruhu* (ruh), dan *al-aqlu* (akal). Hati mempunyai dua makna, yang pertama hati sebagai segumpal daging (jantung), dan yang kedua hati yang

⁴ Huraian ini berdasarkan buku *Keajaiban Hati* yang dialihbahasa oleh Nurhickmah, Penerbit Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Kelantan (tiada tarikh)

menilai sifat ketuhanan. Roh berpunca daripada hati yang meresapi seluruh tubuh. Ianya sukar diertikan, namun boleh diibaratkan sebagai cahaya hidup. Unsur ketiga, iaitu *an-nafs* mempunyai beberapa makna. Dua daripadanya ialah perasaan marah dan syahwat. Unsur keempat ialah akal. Manusia menggunakan akal untuk mengetahui hakikat sesuatu, terutama tentang sifat-sifat ketuhanan.

Oleh hal yang demikian, aspek fizikal dan spiritual manusia wujud sebagai satu kesatuan. Malah aspek spiritual manusia adalah lebih utama dalam memberikan manusia cara hidup yang harus diambil. Dengan *nafs* (diri) dan *qalb* (hati) manusia dapat mengawal ransangan naluri fizikalnya. Hati menyatukan keseimbangan antara jasad (*jism*) dan (*roh*) dan membawanya ke arah penyatuan dengan hakikat kejadian.

Selain percaya kepada Allah, orang Islam mempercayai adanya Nabi dan Rasul, Kitab-Kitab Allah (Zabur, Taurat, Injil dan al-Quran), hari kiamat, para malaikat, dan qada' dan qadar (ketentuan nasib baik dan jahat) Allah. Keenam-enam perkara ini merupakan rukun iman. Kesemua rukun tersebut bersifat ghaib. Kepercayaan kepada keenam rukun ini adalah penentuan seseorang itu beriman atau tidak. Al-Quran adalah kitab terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya. Inilah rujukan pertama dan utama yang digunakan oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam untuk memandu mereka menjalani kehidupan.

ii) Konsep 'dua berlawanan'

Konsep 'berpasangan' ini berasaskan kepada adanya dua unsur pada setiap ciptaan Allah. Agama memperteguhkan persepsi ini dengan memberikan dalil yang mencukupi. Perkara-perkara yang menunjukkan konsep ini terdapat pada manusia itu sendiri. Paling utama ialah pasangan lelaki/perempuan. Pada setiap lelaki dan perempuan itu terdapat pasangan-pasangan: tangan (kanan/kiri), kaki (kanan/kiri), telinga (kanan/kiri), mata (kanan/kiri), lubang hidung (kanan/kiri), kemaluan (hadapan/belakang), badan (hadapan/belakang). Bahagian lain menunjukkan sudut berlainan - anggota luar/dalam (kulit/darah), bahagian atas dan bawah (kepala/kaki).

Sifat-sifat yang berlawanan ini terdapat juga pada kehidupan yang lain. Di kalangan haiwan dan tumbuhan juga terdapat spesis jantan dan betina. Pada alam fizikal yang luas juga terdapat pasangan, langit berpasangan dengan bumi, daratan berpasangan dengan lautan, matahari berpasangan dengan bulan sebagai penerang pada siang dan malam.

Konsep 'dua yang berlawanan', pada asasnya adalah pasangan kepada suatu yang berbentuk zat atau keadaan. Yang berbentuk zat dapat dilihat atau dirasa, manakala yang bersifat keadaan memerlukan kepercayaan atau keyakinan hati. Kecil atau besar dapat dilihat jika ia adalah zat, seperti rumah kecil dan

rumah besar, tetapi hanya boleh dibayangkan jika ia adalah keadaan, seperti kejahatan yang kecil atau yang besar.

iii) Konsep 'setiap satu memerlukan yang lain'

Setiap aspek fizikal tidak dapat dipisahkan daripada aspek spiritualnya. Manusia dan haiwan memerlukan udara, makanan dan air. Tumbuhan pula memerlukan bumi, air dan sinaran matahari. Setiap kehidupan itu adalah putaran proses, dari peringkat mudah kepada peringkat kompleks. Ada juga yang bermula daripada peringkat kecil kepada peringkat besar. Setiap proses adalah perubahan, dan perubahan, dan dari satu perubahan kepada perubahan yang lain sehingga akhirnya sampai kepada kemusnahan. Misalnya, tumbuhan bermula daripada benih hinggalah ia membesar, berbunga dan berbuah. Pada suatu masa ribut taufan melanda mengakibatkan pohon itu tumbang, dan akhirnya mati kelayuan kerana akarnya tidak dapat menyedut air dari bumi lagi. Begitu juga dengan manusia. Manusia dilahirkan dan kemudian membesar dan beransor-ansor menjadi tua. Akhirnya dia mati melalui beberapa sebab.

Oleh kerana setiap kehidupan saling bergantung, manusia diwajibkan oleh Penciptanya untuk menggunakan apa juga sumber alam yang diperlukannya seperti udara, tumbuhan, haiwan dan air dengan sebaik mungkin, iaitu dengan tidak ada pembaziran agar sumber ini boleh terus hidup atau wujud untuk digunakan di lain waktu.

Falsafah orang-orang Melayu dalam mengendalikan persekitarannya ialah manusia harus boleh mengimbangi kehidupannya dengan kehidupan lain yang diperlukannya. Matlamat kehidupan manusia ialah untuk mewujudkan 'kesejahteraan di kalangan kesemua ciptaan Allah'. Walaupun manusia lebih pintar daripada haiwan manusia tidak boleh menggunakan kepintaran mereka untuk menghapuskan golongan haiwan, tumbuhan, air, bumi, udara dengan sewenang-wenangnya, atau menukarkan bentuk muka bumi ini sesuka hati tanpa memikirkan kesan buruk yang terjadi kepada sumber alam sedia ada.

iv) Tuntutan 'manusia wajib berilmu'

Bagi membolehkan manusia hidup dalam kesejahteraan Islam mengarahkan penganutnya supaya berilmu. Untuk mendapatkan ilmu seseorang mesti menuntut ilmu daripada orang yang berilmu. Ilmu, mengikut Islam adalah luas sekali, merangkumi hal-hal yang bersangkutan dunia dan yang bersangkutan akhirat. Dengan ilmu manusia boleh memenuhi keperluan dirinya dan mengendalikan kelompok dan persekitarannya.

Tujuan menuntut ilmu ialah untuk mengetahui hakikat sesuatu, iaitu realiti sesuatu ciptaan atau kejadian Allah. Dengan ilmu manusia dapat membezakan yang mana benar dan yang mana pula tidak. Dengan ilmu juga manusia membentuk keyakinannya. Sedikit ilmu yang dimiliki sedikit keyakinannya, banyak ilmu bermakna banyak dan kuat keyakinannya. Berdasarkan hubungan

ini, terdapat empat tingkat keyakinan yang boleh dicapai oleh manusia. Pertama *'ilmul yakin*. Keyakinan di tahap ini berdasarkan ilmu asas dan mendalam tentang sifat-sifat ketuhanan dan ciptaanNya. Kedua ialah tahap *'ainul yakin* di mana keyakinan seseorang bergantung kepada pengalaman yang dilalui dan ini adalah fakta baginya untuk mempercayai tentang kekuasaan Allah dan sifat-sifatNya yang lain seperti sifat adil dan bijaksana. Tingkat ketiga meliputi keyakinan di mana seseorang hanya *'melihat'* kepada hakikat sesuatu, sama ada zahir atau batin. Misal dalam konteks penyakit ialah di mana seseorang yang mempunyai *hakkul yakin* melihat penyakit sebagai hikmah, iaitu kebaikan yang mengandungi sebab tertentu, selain daripada punca zahir. Tingkat keempat pula ialah tingkat *kamil mukammil*. Tingkat ini adalah tertinggi, di mana seseorang itu yakin bahawa setiap sesuatu yang terdapat dalam alam nyata dan ghaib itu adalah manifestasi zat dan sifat Allah.

Walaupun manusia diwajibkan berilmu, tidak mungkin dia boleh memiliki setiap jenis ilmu yang wujud. Ilmu yang pertama dan utama bagi setiap penganut Islam ialah *'mengenal Allah'*. Ilmu ini dituntut daripada guru dalam bidang usuluddin (asal agama). Ilmu ini memberikan seseorang pengetahuan tentang dirinya dan semua yang terdapat di sekelilingnya. Setelah melengkapi dirinya dengan pengetahuan siapa dirinya tahulah dia siapa tuhannya. Kemudian barulah dia boleh meneruskan pencarian ilmu dalam bidang-bidang kehidupan yang lain, dan bidang selepas kehidupan. Ilmu-ilmu agama

termasuk dalam tuntutan *fardhu ain* (ilmu yang mesti dipelajari oleh setiap muslim).

Bidang perubatan adalah satu cabang ilmu yang diperlukan oleh manusia. Justru itu Islam mengehendaki agar ada di antara manusia yang mempelajari perkara yang berkaitan penyakit dan rawatannya. Ini kerana setiap manusia tidak lepas daripada mengalami penyakit atau keuzuran, dan dengan sebab itu perlu ada beberapa orang daripada kalangan mereka yang tahu mengatasinya. Bagi orang-orang Melayu, bomoh adalah orang yang melibatkan dirinya dalam mempelajari ilmu dan mengamalkan bidang perubatan, iaitu bidang yang termasuk dalam golongan *fardhu kifayah*. Kegiatan bomoh dalam mengenali penyakit dan mengubatnya bukan sahaja merupakan kewajipan peribadi kepada kepada diri dan masyarakat, bahkan dikira sebagai suatu ibadah. Falsafah di sebalik amalan perubatan ialah untuk mewujudkan kesejahteraan insan dari sudut jasad dan rohani.

Ilmu didapati melalui dua cara, pertama secara menuntut daripada guru, iaitu seorang yang banyak ilmu dalam sesuatu bidang, dan kedua mendapatkan ilmu melalui pengalaman – bekerja dalam sesuatu bidang serta mengumpulkan ilmu dalam bidang tersebut sedikit demi sedikit. Sebahagian besar ilmu yang didapati secara berperingkat peringkat ini terdiri daripada teori. Murid tidak banyak didedahkan kepada kejadian sebenar. Mendapatkan ilmu secara berguru

bererti memberikan perhatian sepenuhnya kepada perkataan dan arahan gurunya. Dalam hal ini murid banyak menggunakan falsafah dan penerangan gurunya sambil mencuba mengasah pemikirannya sendiri. Cara kedua lebih memerlukan seseorang menggunakan pemikiran dan perasaannya dalam menjadikan pengalamannya sebagai ilmu. Cara begini memerlukan kecekalan hati dan ketajaman akal seseorang kerana dia sendiri yang menjadi guru bagi dirinya.

Bidang ilmu yang dipelajari bukan terhad kepada sifat-sifat biologikal manusia, ianya meliputi aspek pemikiran, kijiwaannya. Bukan setakat manusia tetapi merangkumi kosmos, galian, tumbuhan dan haiwan. Begitu berat bidang ilmu yang perlu dimiliki oleh bomoh. Memiliki sebahagian daripada pengetahuan ini menjadikan bomoh antara golongan yang bijaksana.

(v) Konsep nyawa dan roh

Nyawa secara umumnya diertikan sebagai nafas dan kadangkala diistilahkan sebagai 'nadi kehidupan'. Maksudnya ialah nafas keluar masuk daripada lubang hidung, dan denyutan nadi adalah petunjuk manusia bernyawa dan hidup. Apakah itu nyawa sebenarnya, adakah ia berupa atau berbentuk, dan bagaimana nyawa terjadi tidak diketahui oleh sesiapa jua. Apa yang diketahui ialah setiap kehidupan dan haiwan mempunyai nyawa. Tumbuhan hidup tetapi Tumbuhan hidup tetapi tidak mempunyai nyawa seperti manusia dan haiwan.

Makhluk ghaib juga hidup dan mati tetapi bukan berdasarkan nyawa. Tanpa nyawa tidak ada kehidupan bagi manusia. Tempat utama bagi nyawa ialah jantung. Selama ada nyawa selama itu ada degupan jantung dan selama itu manusia hidup walaupun sebahagian anggotanya hilang atau cacat. Contohnya, seseorang kehilangan tangan dan kaki akibat kemalangan, namun dia masih hidup kerana jantungnya masih ada.

Tumbuhan hidup tetapi tidak mempunyai nyawa seperti manusia dan haiwan. Makhluk ghaib juga hidup dan mati tetapi bukan berdasarkan nyawa. Tanpa nyawa tidak ada kehidupan bagi manusia. Tempat utama bagi nyawa ialah jantung. Selama ada nyawa selama itu ada degupan jantung dan selama itu manusia hidup walaupun sebahagian anggotanya hilang atau cacat. Contohnya, seseorang kehilangan tangan dan kaki akibat kemalangan, namun dia masih hidup kerana jantungnya masih ada.

'Roh' adalah seakan-akan nyawa. Kejadian ruh juga merupakan satu mistri kepada manusia. Roh berbeza dengan nyawa. Roh berupa satu gumpalan kekuatan dalaman manusia, tetapi ia meresapi ke segenap tisu dan rongga. Ia diibaratkan sebagai sinar yang menerangi dalaman manusia. Setiap manusia memiliki satu ruh baginya, yakni setiap ruh adalah tertentu bagi seseorang. Roh lebih kekal daripada jasad. Sebelum jasad terjadi rohnya wujud terlebih dahulu, akan tetapi apabila jasad mati roh tetap kekal. Roh boleh keluar masuk daripada

tubuh seseorang. Di waktu malam jasad manusia terlantar ketika tidur, tetapi rohnya keluar dari tubuhnya dan bergerak atau berpindah-pindah dari tempat ke tempat. Roh dapat menjelajahi alam ghaib sedangkan pergerakan jasad terbatas kepada alam fizikal semata-mata. Ini kerana roh bukan terdiri daripada tisu dan organ, sebaliknya roh adalah sinaran.

vi) Kepercayaan kepada semangat

Semangat mengikut kepercayaan sesetengah pengamal merupakan gumpalan kekuatan pada diri seseorang. Semangat wujud dalam jasad ketika seseorang dilahirkan. Semangat membesar mengikut perbesaran seseorang. Satu pengertian ialah menyamakan semangat dengan roh. Kata-kata 'semangatnya diambil orang' menunjukkan semangat sebagai sesuatu yang boleh dipindah-pindahkan daripada jasad seseorang, dan boleh pula dilakukan sesuatu kepadanya. Pawang yang jahat dikatakan dapat mengurung semangat seseorang secara simbolik, iaitu dengan memasukkan semangat ke dalam tabung buluh atau botol dan menutupnya, atau menghanyutkan semangat itu ke dalam sungai. Akibatnya ialah simangsa akan kehilangan 'daya' dalam kehidupannya - hilang selera makan, hilang kekuatan untuk bergerak, untuk bercakap, dan juga hilang perasaan. Apabila ini berlaku seseorang hanya hidup sebagai kata bidalan 'hidup segan mati tak mahu'.

Dari sudut kejiwaan semangat disamaertikan sebagai keinginan, kesungguhan atau perasaan. Kata-kata "Dia hilang semangat untuk bekerja sejak isterinya meninggal" memberi erti seseorang yang hampa dengan kehilangan orang yang disayangi yang selama ini menjadi pendorong baginyan. Dalam suasana lain, kata-kata "Semangatnya untuk terus mencuba tidak pernah putus" mencerminkan kesungguhan dalam hidup, dan kata-kata "Hidupkan semangat perjuangan kita" adalah kenyataan yang mencerminkan keazaman untuk terus berjuang.

Semangat dalam hubungan yang disebutkan di atas berupa proses kognitif yang dikaitkan dengan pengalaman individu. Dua aspek yang timbul ialah semangat yang membawa nilai positif, dan satu lagi semangat yang memberi erti negatif.

vii) Wali-wali

Wali-wali adalah makhluk ghaib yang dijadikan untuk menolong manusia. Pada asalnya mereka adalah orang-orang yang sentiasa mengerjakan ibadat sehingga ada di antara mereka yang dikurniakan kiramah (anugerah istimewa) oleh Allah. Salah satu kiramah ialah kebolehan untuk menghilangkan diri (ghaib) pada bila-bila masa yang dikehendaki. Sesetengah wali masih hidup meskipun ghaib, manakala setengah yang lain telah meninggal dunia dan hidup

sebagai roh dalam alam ghaib. Wali-wali berperanan menolong manusia yang memerlukan, seperti dalam kesusahan atau kesakitan.

Wali-wali dipercayai mempunyai kelebihan tersendiri untuk mengatasi masalah yang dihadapi manusia. Masyarakat melihat wali-wali ini sebagai sumber pertolongan untuk melawan unsur-unsur jahat, dan kadang-kadang kebolehan mereka begitu dikagumi sehingga ada di kalangan masyarakat yang membuat permohonan kepada wali-wali untuk sesuatu hajat.

viii) Hantu, jin dan syaitan

Masyarakat Melayu juga mempercayai pelbagai hantu, jin, dan syaitan. Mereka tergolong dalam makhluk ghaib yang berperanan untuk merosakkan keimanan manusia. Siapa hantu sebenarnya dan bagaimana ia terjadi tidak dipersoalkan sangat oleh masyarakat. Yang penting ialah hantu berkuasa untuk mengganggu dan menakut-nakutkan manusia. Kepercayaan kepada hantu yang dikatakan berperanan menjadi 'penunggu' sesuatu tempat merupakan saki-baki kepercayaan animisme, namun pengaruh kepercayaan ini masih tebal di kalangan orang-orang Melayu. Mengikut bomoh kepercayaan ini berasas oleh kerana terdapat kenyataan tentangnya di dalam al-Quran dan peranan makhluk ini juga dijelaskan melalui hadis dan kitab-kitab agama yang lain.

Bomoh menjelaskan lagi bahawa syaitan dan jin berperanan merosakkan keimanan orang-orang beriman dengan pelbagai cara. Kegiatan yang mereka dilakukan tidak dapat dilihat secara fizikal oleh kerana berjisim halus dan tidak bertubuh seperti manusia. Oleh kerana mereka boleh menembusi tubuh kasar manusia mereka melakukan kerosakan dari dalam tubuh dengan mengganggu pemikiran dan jiwa manusia. Manusia sendiri mungkin tidak menyedari mereka telah diresapi makhluk ghaib ini, dan oleh kerana tidak merasa sebarang ketakutan. Berlainan pula dengan hantu-hantu yang dikatakan boleh menzahirkan diri semata-mata untuk menakutkan manusia.

ix) Bumi mempunyai empat unsur

Bumi dijadikan mengandungi empat unsur utama, iaitu tanah, air, udara dan api. Keempat-empat unsur ini diperlukan oleh manusia. Setiap unsur terbahagi kepada beberapa jenis dan setiap jenis mempunyai sifatnya tersendiri, sesuai dengan keperluan manusia. Tanah meliputi setiap bahagian bumi yang diduduki manusia, haiwan dan ditumbuhi oleh pelbagai tumbuhan. Terdapat beberapa lapisan tanah yang berbeza dari segi struktur dan kegunaannya kepada manusia. Tanah adalah sumber kehidupan tumbuhan yang juga mengandungi pelbagai logam. Air meliputi sebahagian muka bumi. Ia adalah sumber kehidupan yang sangat diperlukan, di samping menjadi alat penghubung. Udara yang juga disebut sebagai angin melingkungi bumi dan menjadi sumber

kehidupan bagi manusia, haiwan dan tumbuhan. Unsur keempat ialah api, iaitu bahan haba daripada matahari. Setiap daripada unsur ini mempunyai sifatnya tersendiri. Tanah bersifat sejuk, air bersifat basah, angin bersifat kering, dan haba bersifat panas. Empat unsur ini juga terdapat dalam tubuh manusia. Tanah ialah jasad kasar, air ialah cecair, angin ialah pernafasan, dan api ialah suhu badan. Sifatnya juga sama seperti sifat pada unsur yang terdapat pada bumi.

Seorang bomoh menyebut bahawa dalam Kitabun Nabawiyah terdapat kenyataan bahawa badan manusia terjadi daripada empat elemen, iaitu api, angin, air dan tanah. Api dikatakan terkumpul dalam organ yang dipanggil empedu, angin terdapat dalam darah, air terdapat pada peparu dan digelar lendir, dan tanah terhimpun pada organ yang digelar limpa.

x) Alam wujud dalam keseimbangan

Alam wujud dalam keadaan seimbang, iaitu setiap unsur sentiasa berada dalam perkaitan yang stabil dengan unsur yang lain. Keadaan ini ditentukan oleh Allah, Pencipta alam seluruhnya. Keadaan ini berlaku kerana adanya 'peraturan-peraturan alam semulajadi', seolah-olah setiap sesuatu bergerak dan berfungsi dengan sendirinya tanpa wujudnya suatu kuasa yang menentukan keharmonian. Pengamatan manusia kepada setiap makhluk atau kejadian memberikan pengetahuan kepadanya bahawa setiap sesuatu mengalami proses perkembangan. Bermula daripada tiada kepada ada. Setelah ada di muka bumi

ini maka sesuatu itu akan mengalami proses kehidupan, daripada peringkat awal, pertengahan dan penghujung, dan akhirnya mati dan hilang daripada muka bumi.

Menurut bomoh lagi, kehidupan itu seperti putaran, ada silih berganti, tetapi setiap pergantian merupakan yang baharu, bukan lagi yang asal. Inilah yang dikatakan lumrah alam. Setiap sesuatu dijadikan untuk mengisi ruang masa dan tempat, dan akhirnya lenyap dan yang lain pula wujud untuk beberapa ketika. Apa yang dilihat daripada proses ini ialah keseimbangan dan keharmonian antara setiap unsur dan elemen yang tercipta. Sekali sekala terjadi apa yang dikatakan sebagai mala petaka yang memusnahkan manusia, haiwan dan manusia akibat ribut taufan, banjir, atau penyakit. Namun, akhirnya keadaan kembali tenang dan segalanya bergerak mengikut peraturan alam seperti biasa.

xi) Manusia perlu nilai hidup

Mengikut bomoh, alam dan manusia diwujudkan untuk memenuhi beberapa peraturan. Alam berputar mengikut musim, manakala manusia hidup mengikut peredaran masa dan peringkat. Perubahan demi perubahan berlaku kepada alam dan manusia, namun setiap satu bergerak kepada keseimbangan. Keseimbangan ialah syarat kepada keadaan yang harmoni atau kesejahteraan. Alam bergerak dengan ketentuan 'hukum alam semula jadi', tetapi manusia

bergerak mengikut akal dan hukum. Dengan akal manusia boleh menimbang yang logik dan tidak logik, manakala hukum menentukan apa yang baik dan tidak baik.

Kepatuhan kepada peraturan diutamakan kepada manusia oleh kerana mereka hidup dalam kelompok atau masyarakat. Peraturan menentukan perhubungan antara manusia berjalan dengan baik. Dengan adanya peraturan dalam bidang kekeluargaan dan kemasyarakatan kumpulan manusia dapat memperkembangkan bilangannya dalam suasana kesepakatan untuk kebaikan bersama.

Selain daripada menentukan perhubungan yang baik, peraturan juga mengawal anggota masyarakat daripada melakukan kemusnahan manusia secara fizikal dan spiritual. Antara nilai-nilai yang terbentuk daripada pemikiran dan ilham daripada Pencipta alam ialah, mengutamakan kesejahteraan individu dan masyarakat, mengambil sikap bersederhana dalam urusan hidup, menerima sesuatu keburukan atau kemalangan dengan hati yang rela, dan sentiasa berikhtiar mencari rezeki dan kesihatan. Antara nilai-nilai yang diutamakan ialah menghormati orang yang lebih tua dalam keluarga dan masyarakat. Falsafah di sebalik nilai ini ialah orang tua mempunyai ilmu yang berguna dan berpengalaman dalam sesuatu bidang yang bermanfaat.

Nilai-nilai yang disanjung merupakan nilai-nilai yang digalakkan oleh Islam. Sikap merendah diri dan tidak bermegah-megah dengan kekayaan atau pangkat adalah asas kepada perhubungan yang baik antara sesama manusia. Sifat dengki, tamak dan cemburu ditegah dalam Islam. Mereka yang mempunyai sifat ini bukan sahaja boleh mengakibatkan sesuatu yang tidak baik kepada diri sendiri dan kepada orang lain. Oleh itu orang-orang Melayu disarankan agar sentiasa menghayati nilai-nilai yang baik dan meninggalkan perangai yang buruk.

xii) Hormat kepada ibubapa

Setiap anak diperlukan oleh Islam untuk berbuat baik kepada kedua ibubapanya. Keperluan ini merupakan suatu perintah daripada Allah kepada umat Islam melalui firmanNya dalam Surah Luqman ayat 14 yang bermaksud:

"Dan Kami wasiatkan (perintahkan) kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibubapanya. Ibunya mengandungnya dengan menderita kelemahan di atas kelemahan dan menceraikan menyusu dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada Ku dan kepada ibubapamu. Kepada Ku tempat kembali (Tafsir Quran, 1992)

4.2 FALSAFAH KESIHATAN

Perubatan memberi penekanan kepada penjagaan kesihatan seperti mana Islam memberi keutamaan kepada kesihatan. Islam mengutamakan kesihatan oleh kerana kesihatan itu memudahkan manusia untuk mengerjakan segala

suruhan Allah. Justru itu bomoh Melayu memegang falsafah bahawa mencegah itu lebih utama daripada mengubati.

1.2.1 Pencegahan

Mengikut bomoh, pencegahan ialah cara-cara untuk mengelak atau menghindarkan daripada sesuatu. Dalam bidang perubatan pencegahan adalah lebih penting daripada pengubatan. Falsafah ini adalah berasaskan pandangan umum bahawa tujuan kehidupan itu ialah untuk mewujudkan kesejahteraan. Kesejahteraan meliputi kesihatan dan kebahagiaan. Untuk mendapat kesejahteraan seseorang harus berikhtiar menjaga kesihatan dirinya sepanjang masa. Ikhtiar yang dimaksudkan ialah berfikir untuk melakukan perkara-perkara yang boleh menjaga tahap kesihatan dan mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan kesihatan. Asas kedua yang menjadikan falsafah ini lebih diutamakan ialah kerana amalan pencegahan melalui penjagaan kesihatan adalah melibatkan perkara-perkara yang mudah dilakukan, dan lagi tidak membebankan pelakunya. Di samping itu amalan penjagaan boleh dimulakan oleh setiap individu sejak dari muda lagi, bahkan dari peringkat kanak-kanak.

2.2 Perubatan

Terdapat dua falsafah utama dalam sistem perubatan Melayu. Pertama,

ialah yang menyentuh bidang kesihatan, dan keduanya, ialah tentang penyakit. Kedua-duanya saling berhubungan dan melengkapi antara satu dengan yang lain. Falsafah pertama berbunyi "Pencegahan lebih utama daripada mengubati penyakit". Falsafah kedua pula berbunyi "Bagi setiap penyakit ada ubatnya". Falsafah mengenai adanya ubat bagi setiap penyakit membawa erti bahawa setiap penyakit perlu diiktirakan agar segera sembuh. Dalam falsafah ini juga terkandung maksud bahawa iktiar yang dilakukan yang dilakukan pada satu-satu masa mungkin tidak dapat menyembuhkan, dan oleh itu ikhtiar untuk mendapatkan ubat yang lebih mujarab terpaksa dibuat, walaupun mengambil masa yang lama. Falsafah ini juga mengandungi makna tersirat, iaitu manusia tidak harus putus asa daripada mencuba pelbagai jenis rawatan. Rawatan tidak terhenti pada cara pengubatan yang terdapat dalam perubatan tradisional Melayu sahaja. Sekiranya terdapat ubat yang digunakan oleh masyarakat di tempat lain yang diketahui dapat menyembuhkan penyakit berkenaan, maka haruslah bagi pesakit atau keluarganya untuk mencuba ubat tersebut.

Jadi, dalam bidang rawatan lebih banyak usaha diperlukan oleh orang yang sakit dan orang yang berhubung dengannya untuk mengubati. Ada kalanya pengubatan mudah dilakukan, dan ada masanya pula pengubatan mengambil masa yang lama dan sukar dilaksanakan. Jika dibandingkan dengan penjagaan kesihatan adalah jelas bahawa pada teorinya sesaorang lebih mudah untuk melaksanakan amalan berpanjangan untuk menjaga kesihatannya daripada

mengubati sebarang penyakit. Walau bagaimanapun, seseorang tidak dapat menduga bila ia mendapat sakit. Apabila sakit manusia perlukan bomoh untuk merawatnya.

4.3 ERTI SIHAT , PENYAKIT, SAKIT DAN KEUZURAN

Terdapat beberapa konsep asas yang berhubung dengan kesihatan dan keuzuran dalam masyarakat Melayu. Konsep-konsep itu ialah sihat, penyakit, sakit dan keuzuran. Mengikut bomoh setiap konsep adalah sesuatu yang wujud dalam pemikiran, tetapi diberi pengertian melalui perkataan dan perlakuan orang yang sihat dan sakit. Sihat, sakit dan keuzuran pada asasnya ditentukan oleh keadaan. Ianya bukan sesuatu yang bersifat mutlak, tetapi bersifat relatif.

Bomoh mengutamakan kesihatan daripada penyakit. Oleh itu dia sering memberikan pandangan dan petua kepada ahli keluarga dan pesakitnya agar sentiasa menjaga kesihatan sendiri. Daripada pandangan sepintas lalu kepada seseorang bomoh dapat menentukan seseorang itu sihat atau sebaliknya, dan dengan sekali pandang juga bomoh mengetahui secara kasar penyakit yang dialami. Penentuan ini bukanlah sesuatu yang tepat, tetapi berdasarkan kepada beberapa petunjuk pada mata, kulit dan pernafasan seseorang.

4.3.1 Sihat

Para bomoh mengatakan bahawa tidak mudah untuk memberikan takrifan

tentang apa yang disebut 'sihat'. Sehat adalah kata nama yang menjelaskan tentang keadaan. Kesihatan adalah terbitan daripada kata sehat. Dari segi penggunaannya, 'sihat' dimaksudkan kepada kesihatan seseorang. Perkataan 'tak berapa sehat' dan 'kurang sehat' lebih kerap digunakan daripada 'sihat'. Maksud perkataan ini boleh dibayangkan daripada huraian berikut:

Suatu pagi Hj. Ibrahim terserempak dengan Dayan, rakan sepeneroka di kedai kopi Hj. Dolah. Hj. Ibrahim bertanya "Kenapa hang ni, nampak pucat aja". "Saya kurang sehat. Semalam tak apa-apa. Tiba-tiba pagi ini rasa nak demam pula" jawab Dayan. Tanya Hj. Ibrahim lagi "Habis tu tak pergi ke klinik?". "Tengok dulu. Kalau tak kebah esok saya pergi" ujar Dayan.

Selain itu masyarakat umum menghubungkan sehat dengan rawatan penyakit. Pejabat Kesihatan difahami sebagai tempat di mana penduduk boleh mendapatkan suntikan dan ubat-ubat moden untuk menyembuhkan penyakit seperti demam dan cirit birit. Kakitangan Kesihatan yang bertugas di situ termasuklah doktor, jururawat, dan inspektor kesihatan yang bertanggungjawab menjaga kesihatan penduduk secara amnya. Dalam hubungan ini sesiapa sahaja boleh menyatakan sama ada dia sehat atau tidak sehat. Justru itu, konsep 'sihat' tidak dapat dihuraikan bersendirian tanpa mengaitkannya dengan konsep 'penyakit', kerana keduanya saling berkaitan. 'Sehat' dan 'tidak sehat' adalah nilai yang diberikan oleh masyarakat. Untuk mengetahui apa erti sehat seseorang perlu melihat kepada perlakuan orang-orang yang merasakan diri mereka 'sihat' dan orang-orang yang mengatakan mereka 'tidak sehat'.

Seseorang tahu maksud 'sihat' apabila dia ditanyakan "Apa khabar", lalu dia menjawab "Alhamdulillah, baik sihat". Perkataan sihat yang digunakan dalam ucapan ini digunakan untuk menunjukkan suatu keadaan fizikal dan mental. Kata-kata "orang-orang di sini sihat-sihat belaka" memberi gambaran keadaan penduduk yang tidak mengalami penyakit. Dalam bahasa surat terdapat kata-kata "...semoga ayahanda berada dalam keadaan sihat walafiat⁵.

Sesiapa sahaja boleh menyatakan sama ada dia sihat atau tidak sihat. Justru itu, konsep 'sihat' tidak dapat dihuraikan bersendirian tanpa mengaitkannya dengan konsep 'penyakit', kerana keduanya saling berkaitan. 'Sihat' dan 'tidak sihat' adalah nilai yang diberikan oleh masyarakat. Untuk mengetahui apa erti sihat seseorang perlu melihat kepada perlakuan orang-orang yang merasakan diri mereka 'sihat' dan orang-orang yang mengatakan mereka 'tidak sihat'.

Kesimpulannya ialah 'sihat' adalah satu keadaan yang relatif dan berubah-ubah. Sihat adalah sebagai satu nikmat daripada Allah. Jika Allah menghendaki seseorang sihat untuk tempoh waktu yang lama, maka dia jarang sakit. Jika sakitpun dia segera sembuh. Sebaliknya, jika Allah menentukan seseorang akan selalu ditimpa sakit, maka walau apapun ikhtiarnya untuk mengelakkan penyakit, dia akan mengalaminya jua. Maka dalam hubungan ini

⁵ Kata-kata 'walafiat' yang bermaksud 'dan sihat' (Arab) kini digunakan dalam pertuturan dan tulisan Melayu dengan makna 'tiada keuzuran' (Kamus Dewan, Edisi Ketiga 1994)

kesihatan itu disamaertikan dengan kesejahteraan.

Dalam hubungan ini juga terdapat ungkapan 'betul-betul sihat'. Ungkapan ini tidak membawa maksud 'sempurna sihat' kerana dalam Islam tidak ada sesuatupun yang bersifat sempurna. Apa yang dimaksudkan ialah seorang individu telah mencapai tahap kesihatan yang cukup baginya melakukan pelbagai kegiatan hidup.

Penilaian tentang kesihatan seseorang atau masyarakat sering dibuat secara tidak langsung melalui ungkapan pertanyaan 'apa khabar?'. Jawapan kepada pertanyaan ini ialah 'khabar baik'. Seseorang tidak bertanyakan begini "apakah kesihatan awak?", dan jarang sekali bertanyakan "awak sihat?". Pertanyaan "apa khabar?" adalah pertanyaan yang merujuk kepada kesihatan seseorang. Oleh itu jawapan yang wajar diberikan ialah 'khabar baik', yang mengandungi maksud 'saya sihat'.

Secara tidak langsung kesihatan juga dirujuk daripada ungkapan "saya tak sakit". Dari sudut fizikal ketiadaan 'sakit' pada seseorang boleh diertikan dia sihat, tetapi ini sahaja tidak mencukupi. Ketidadaan penyakit atau kesakitan fizikal tidak menghalang seseorang mengalami jiwa yang tertekan dan ini menjadikannya susah hati dan murung. Kesihatan bukan setakat ketiadaan penyakit tetapi kesejahteraan yang menyeluruh, dari sudut fizikal, mental, dan kejiwaan. Walaupun tahap kesihatan yang tinggi sukar dicapai, kesejahteraan

yang menyeluruh mampu diperolehi.

4.3.2 Dimensi kesihatan

Kesihatan diukur daripada beberapa dimensi, yang melibatkan aspek pertuturan, persepsi dan perbuatan. Ketiga dimensi ini boleh ditafsirkan melalui peristiwa berikut:

Zainuddin seorang guru sekolah berjumpa To' Man, seorang bomoh kebatinan di Perlis. Bila ditanya tentang hajatnya Zainuddin berkata "Dua tiga hair ini saya berasa tak sihat To' Man" "Hang demamkah?" tanya To' Man. "Dak. Tapi saya tak lalu makan. Lepas itu perut pula meragam". Tanya To' Man seterusnya "Lagi hang rasa lagu mana?" Jawab Zainuddin "Saya tak boleh tidur. Rasa tak senang hatipun ada". Dengan kata-kata itu To' Man mengambil semangkuk air dan menjambpi ke dalamnya. Setelah itu To' Man memberikan air itu kepada Zainuddin dengan nasihat "Baik nanti hang minum air ni. Insyallah hang pulih".

Ketiadaan unsur-unsur fizikal-tidak lalu makan, sakit perut dan tidak dapat tidur yang dianggap penghalang kepada kesihatan fizikal mencerminkan kesihatan daripada sudut fizikal dan biologikal. Tanpa unsur-unsur tersebut seseorang merasakan dirinya sihat kerana dia dapat menjalankan kegiatan seharian atau kegiatan yang dirancang. Kesihatan di sini disamaertikan dengan kecergasan dalam melaksanakan kegiatan.

Dimensi fizikal juga melihat kepada kegiatan ekonomi dan sosial. Orang yang boleh melakukan setiap kegiatan dengan penuh bertenaga dan mampu

menyelesaikan dianggap orang yang sihat. Pada umumnya keupayaan untuk melaksanakan tugas yang berhubung dengan kegiatan fizikal dikaitkan dengan orang yang cukup sifat, iaitu tidak mempunyai kecacatan atau kekurangan anggota (termasuk akal), dan tidak mempunyai sebarang penyakit yang boleh menjejaskan penglihatan, pendengaran dan rasa. Antara asas yang digunakan oleh bomoh Melayu dalam kajian ini ialah firman Allah s.w.t. dalam Surat al-Qisas ayat 26 yang bermaksud:

Seorang daripada perempuan itu berkata: "Wahai bapak! Ambillah dia (Musa a.s.) menjadi orang yang bekerja dengan dia. Sesungguhnya orang yang paling baik engkau ambil menjadi orang bekerja ialah yang kuat dan dapat dipercayai"

Dimensi akal atau mental adalah penting dan menjadi pelengkap kepada kesihatan daripada aspek fizikal. Bagi individu Islam kesihatan akal adalah akal yang waras, yang dapat membezakan antara perkara-perkara yang logik dan yang dianggap tidak logik, tidak munasabah atau dengan kata lain 'karut'. Dari sudut kehidupan fizikal, sihat akal bermakna 'sempurna akal', iaitu tahap akal yang dapat membezakan 'apa yang baik' dan 'apa yang buruk'. Misalnya, makan makanan untuk mendatangkan tenaga adalah 'baik', sebaliknya makan sesuatu yang merosakkan badan seperti makanan 'bisa' adalah 'buruk'. Kewarasan akal diperlukan dalam ibadah oleh kerana hanya akal yang sihat yang dapat mengenal sifat dan af'aal Tuhan. Bahkan dalam Islam kesihatan akal lebih diutamakan sekiranya terdapat keadaan di mana kesihatan fizikal terjejas.

Seorang yang cacat anggota tetapi sempurna akalnya dianggap lebih utama jika dia dapat menunaikan segala tanggungjawab diri, keluarga dan agama. Sebaliknya, seorang yang mempunyai anggota badan yang sempurna tetapi cacat akal dianggap kurang sempurna. Berdasarkan kepada erti kesihatan dari sudut ini maka keuzuran seperti selesma dan batok adalah dianggap 'biasa' kerana ia tidak menjejaskan fikiran seseorang. Seseorang boleh mengatakan dirinya sihat kerana yang penting ialah kesihatan akal atau mental.

Dimensi yang sama pentingnya dengan dimensi fizikal dan akal ialah dimensi jiwa. Kesihatan jiwa merujuk kepada keadaan batin seseorang. Keadaan batin ialah tahap kepercayaan kepada Pencipta alam, manusia dan sekelian kejadian di muka bumi, lautan dan angkasa. Kepercayaan kepada Islam adalah asas individu mempunyai jiwa atau batin yang 'sihat', yang diertikan sebagai tenang dan menerima segala ketentuan daripada Allah. Bagi mereka yang memahami erti ketenangan jiwa, kesihatan adalah suatu nikmat keseluruhan yang dianugerahkan oleh Allah kepada hambanya. Kesihatan adalah kemampuan dari sudut fizikal, akal dan batin untuk melakukan pekerjaan yang bersangkutan dengan kehidupan dunia dan akhirat. Bagi golongan ini ketiadaan penyakit bukan syarat utama kepada kesihatan, tetapi ketiadaan perasaan dukacita, gelisah, rungsing lebih diutamakan kerana elemen-elemen ini boleh menjejaskan kegiatan-kegiatan fizikal dan spiritual. Sihat dari sudut jiwa juga dihubungkan dengan ketiadaan perasaan-perasaan yang dianggap keji

dalam agama. Antaranya ialah perasaan dengi, iri hati, benci, dendam, tamak, marah dan cemburu. Dalam perubatan Melayu banyak penyakit dan keuzuran berpunca dariapda perasaan seperti ini yang dianggap boleh mendorong seseorang untuk melakukan kejahatan. Ketiadaan atau kekurangan perasaan sedemikian pada diri seseorang membuatnya merasa tenteram.

Satu lagi dimensi ialah dimensi agama yang melihat keadaan sihat dan sakit sebagai satu anugerah Allah kepada hambanya. Sebagai orang beriman yang menerima qada' dan qadan Allah, individu tidak harus melihat keuzuran sebagai balasan atau seksaan daripada Allah. Hamba harus menerima dengan rela hati sebarang perubahan pada keadaan dirinya, dan ini juga merupakan sebahagian daripada kepercayaan tentang dua hal yang sentiasa berlawanan. Misalnya, senang diganti dengan susah, kaya lawan miskin, ada lawan tiada. Justeru itu, keuzuran adalah perubahan daripada sihat. Hikmah daripada keuzuran ialah untuk membolehkan seseorang menghargai kesihatan. Tanpa keuzuran seseorang mungkin tidak boleh menilai makna sihat.

Satu dimensi kesihatan yang dihubungkan dengan ketenangan jiwa ialah keupayaan suami isteri untuk melakukan hubungan seks. Kepuasan hubungan antara suami isteri dipandang penting bagi masyarakat Melayu kerana di sini terletak jaminan bagi pasangan untuk memperolehi zuriat yang baik dan menjauhkan mereka daripada perbuatan zina. Pentingnya kesihatan dari sudut ini, terutama bagi seorang lelaki muslim dijelaskan dengan adanya

hukum *fasakh* , iaitu hukum yang membolehkan seorang wanita memohon kepada qadi agar dia diceraikan kerana suaminya tidak mampu memberikannya *nafkah batin*.

Beberapa bulan yang lalu Fatimah berjumpa Bang Mat. Dia menyatakan dia susah hati dan meminta Bang Mat mengubatinya. "Hang sakit apa?" tanya Bang Mat. "Saya tak sakit. Tapi saya susah hati". Lama Bang Mat menunggu penjelasan daripada Fatimah. Dia banyak diam dan bermenung. Akhirnya Bang Mat berkata "Aku rasa bukan hang sakit, tapi hang risau kat suami hang". "Ya" jawab Fatimah. "Sebenarnya perkara ini dah lama. Saya sabar aja. La saya rasa saya kena minta tolong pada Bang Mat". Bang Mat terus mengajukan "La cuba hang cerita". Fatimah menceritakan bahaw sejak tiga tahun yang lalu suaminya tidak tidur sekali dengannya. Mula-mula dia menyangka ada yang tak kena pada dirinya. Melalui rakan suaminya dia mendapat tahu suaminya pergi berurut beberapa kali. Tetapi tidak ada apa-apa perubahan selama tempoh itu. Kuat sangkaan Fatimah bahawa suaminya mengalami 'lemah tenaga batin'

4.3.3 Penyakit, sakit dan keuzuran

Ketiga-tiga konsep didapati digunakan dalam perubatan Melayu silih berganti, seolah-olah semuanya memberi erti yang sama. Namun, setiap satu mempunyai ertinya tersendiri dan ini boleh dilihat melalui ciri-ciri dan dimensi yang melibatkan aspek fizikal, biologikal, kesakitan, sosial, mental, emosi dan rawatan. Setiap konsep ini akan dibincangkan satu persatu.

i) Keuzuran

Mengikut pengamal perubatan Melayu, perkataan 'keuzuran' adalah

daripada perkataan uzur, yang disamaertikan dengan 'tidak sihat' atau 'kurang sihat'. Penggunaan 'tidak' dan 'kurang' merujuk kepada sifat negatif atau kekurangan daripada suatu sifat asal, iaitu 'sihat'. Dalam hubungan ini tidak pula kekurangan itu menjejaskan kesihatan sama sekali. Kekurangan, sama ada daripada sudut fisikal atau spiritual, masih membolehkan individu melakukan kegiatannya seperti biasa. Kebiasaannya kekurangan yang dirasakan ialah dari segi pencapaian hasil kegiatan (kuantiti) dan kepuasan diri (kualiti).

Suatu hari Ahmad uzur dia masih pergi menoreh getahnya, tetapi dia hanya mampu menoreh 200 batang pokok (selalunya dia boleh menoreh 300 batang sehari). Hasil jualan daripada 200 pokok getah pada hari itu lebih rendah daripada hari-hari yang lain. Ahmad merasakan dengan pendapatan yang berkurangan dia tidak dapat berbelanja seperti biasa. Dia merasa sedikit hampa.

Daripada satu sudut yang lain keuzuran boleh menyebabkan seseorang membatalkan penyertaannya pada suatu majlis atau upacara.

Minggu yang lalu Hj. Man dijemput untuk menghadiri majlis tahlil di rumah Hj. Deris kerana tidak lama lagi dia akan berangkat ke Mekah untuk menunaikan umrah. Hj. Man mengatakan dia akan pergi kerana dia tidak mempunyai rancangan untuk ke mana-mana pada hari kenduri yang dinyatakan. Pada pagi hari tersebut Hj. Man merasa badannya seram sejuk. Namun, dia meneruskan kegiatannya pada hari itu seperti biasa. Hampir petang diapun pergi mandi dan mengambil wuduk sekali untuk menunaikan sembahyang maghrib di surau kampung itu. Selepas sembahyang maghrib dia dan jemaah akan menuju ke rumah Hj. Dris di kampung itu juga. Dalam perjalanan ke surau itu Hj. Man merasa badannya bertambah sejuk dan dia mula menggigil. Walau bagaimanapun dia masuk saf tetapi di barisan belakang. Dia merasakan dia semakin kurang sihat. Sebaik saja selesai sembahyang magrib dan berdoa dia terus mencari Tuan Imam untuk

menyampaikan pesan bahawa dia tidak dapat turut serta ke rumah Hj. Deris kerana badannya kurang sihat. Tuan Imam menganggok-nganggok tanda faham. Hj. Man terus pulang ke rumah.

Keuzuran boleh dikategorikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah keuzuran-keuzuran yang disebabkan oleh gangguan bersifat fizikal. Termasuk dalam kategori ini ialah keuzuran yang berpunca daripada penyakit-penyakit yang dianggap 'biasa', seperti selesma, batuk, gatal-gatal (kulit), senak perut. Kelemahan fizikal juga termasuk dalam keuzuran. Orang yang dikatakan sebagai 'dah terlalu tua' (umurnya melebihi 100 tahun) umumnya bersifat lemah, dan sering disebut 'dia uzur'. Kelemahan fizikal ini dikaitkan juga dengan kekurangan akal yang waras. Orang tua yang uzur dan nyanyuk mendapat simpati masyarakat kerana orang itu tidak lagi mampu menjalankan peranannya yang biasa dalam keluarga dan masyarakat.

Satu lagi keuzuran ialah berkait dengan proses biologikal dalam diri perempuan. Perempuan yang 'datang haidz' dikatakan 'sedang uzur'. Walaupun keuzuran di sini lebih merupakan kategori agama kerana perempuan yang haidz tidak boleh melakukan sembahyang, membaca Quran, memasuki mesjid atau berpuasa. Semasa dalam keadaan 'uzur' dia juga dilarang daripada mengadakan hubungan suami-isteri (sekiranya dia telah berkahwin). Dari segi kesihatan pula, perempuan yang 'uzur' kebiasaannya mengalami beberapa kesakitan di bahagian peranakan dan faraj akibat pencairan ketulan darah. Kesakitan yang

dialami berbeza di antara seorang dengan seorang. Ada yang mengalaminya hanya beberapa jam, dan ada pula yang mengalaminya untuk beberapa hari. Bergantung kepada keadaan kesakitan yang dirasakan keuzuran jenis ini tidak menghalang seseorang daripada pergi ke sekolah, ke pejabat, atau ke ladang. Uzur juga mencerminkan keadaan 'masih belum sihat' di kalangan orang yang beransur-ansur sembuh daripada penyakit. Tanda-tanda keuzuran ialah keletihan, banyak berehat dan meneruskan rawatan.

Kategori kedua ialah keuzuran yang berkaitan dengan faktor-faktor sosial dan spiritual. Seseorang merasakan dirinya uzur kerana fikirannya terganggu oleh masalah peribadi atau masalah keluarga. Masalah peribadi seperti putus kasih, gagal dalam peperiksaan atau mendapat pekerjaan, kehilangan wang atau harta adalah di antara punca-punca yang boleh menjejaskan kesihatan seseorang dari sudut kejiwaan. Seorang yang kurang tabah menghadapi masalah diri sering menjadikannya berdukacita atau murung. Selera makannya mungkin terganggu. Dia kelihatan muram dan tidak bertenaga. Jelasnya, dia 'uzur' atau kurang sihat.

Keuzuran juga merujuk kepada halangan-halangan yang membuat seseorang tidak dapat menunaikan sesuatu hajat, ataupun lambat menunaikannya. Seseorang yang diajak menghadiri suatu majlis mengatakan kepada orang yang mempelawa begini 'jika tiada keuzuran saya akan datang',

atau 'Insyaallah, jika tidak diizinkan saya datang'. Ada pelbagai uzur (halangan) yang dimaksudkan – dapat cuti, cukup wang, tidak sakit, tidak ada urusan lain yang lebih penting, dan bermacam-macam lagi.

Keuzuran dalam konteks sosial ini boleh diertikan sebagai satu nilai masyarakat untuk menerima kegagalan seseorang daripada menghadiri suatu majlis. Kenyataan 'Mat tak dapat datang – isterinya bersalin' memberikan suatu sebab yang munasabah dari sudut nilai. Atau, 'saya tak dapat datang hari 'tu kerana tak dapat cuti', juga adalah alasan yang diterima.

Dari sudut nilai juga, 'uzur' adalah sebagai cara sopan untuk menandakan kemungkinan seseorang tidak hadir. Adanya perkataan 'uzur' dalam kenyataan-kenyataan di atas memberikan suatu kelonggaran. Jika kata-kata "Saya tidak akan datang" dikeluarkan sebaik sahaja pelawaan dibuat, perhubungan di antara dua pihak mungkin terjejas kerana di sebalik kata-kata tersebut timbul salah sangka. Sebaliknya, dengan adanya perkataan "jika uzur...", maka pihak yang mempelawa menaruh harapan agar pihak yang dijemput itu akan hadir. Sungguhpun demikian sekiranya terbukti sebaliknya, tidaklah dia merasa hampa sama atau membuat andaian sesuka hati.

ii) Penyakit

Seperti mana konsep keuzuran, konsep 'penyakit' mempunyai dua sudut. Pertama, sudut fizikal dan mental. Sudut ini melihat 'penyakit' sebagai kelainan daripada kebiasaan, dan kelainan ini pula mengakibatkan beberapa hal - gangguan, kecacatan, kerosakan dan kelemahan yang melibatkan tubuh kasar (luar dan dalam) manusia.

Konsep 'penyakit' harus difahami bersama konsep 'sakit' kerana antara keduanya ada kaitan. Apa yang dimaksudkan dengan kelainan daripada kebiasaan? Kelainan bermaksud bukan daripada sesuatu yang dianggap normal atau biasa. Bagi tubuh manusia yang biasa ialah 'kesempurnaan' bahagian anggota, iaitu manusia terdiri daripada kepala, badan, tangan, kaki, mata, telinga, hidung, mulut dan alat kelamin dan alat pembuangan sisa. Kesemua ini mempunyai fungsi tertentu yang menjamin kehidupan. Bahagian dalam tubuh termasuklah jantung, paru-paru, hati, perut, usus, buah pinggang. Tubuh juga mempunyai tulang, pembuluh dan urat yang menyalurkan darah, cecair dan udara. Kekurangan mana-mana bahagian akan mencacatkan fizikal seseorang dari segi pandangan serta fungsi organ berkenaan, tetapi ini tidak bermakna fungsi manusia pada keseluruhannya terjejas. Ketiadaan sebelah mata, misalnya,

adalah satu kecacatan tetapi ini tidak pula bermakna seseorang tidak boleh hidup dengan satu mata sahaja.

Sungguhpun begitu kecacatan dianggap suatu kelainan apabila kehilangan mata itu diakibatkan oleh suatu penyakit. Mata yang berpenyakit menyebabkan kesakitan atau sakit. Dari sudut ini penyakit tersebut menyebabkan gangguan fizikal (untuk melihat) dan juga mental (bimbang tentang punca dan kesembuhannya). Kecacatan akibat sesuatu penyakit dikaitkan juga dengan kerosakan pada bahagian berkaitan. Penyakit Resdong bukan sahaja menyebabkan gangguan, bahkan kerosakan dan kecacatan pada bahagian rongga hidung dan mulut.

Penyakit membawa pengertian kesakitan dan penderitaan. Penyakit barah dan kayap merupakan dua jenis penyakit 'isi dan kulit' yang menyebabkan beberapa jenis kesakitan dan penderitaan kepada orang yang mengalaminya. Perkaitan yang rapat antara penyakit dengan kesakitan menjadikan kedua konsep ini sering digunakan silih berganti. Pertanyaan "Dia sakit apa?" bermaksud 'apa penyakit yang dialaminya?'. Jika bomoh ditanyakan "Apakah jenis penyakit yang selalunya dialami oleh orang Melayu", jawapannya berbunyi "...sakit resdong, sakit kuning, sakit ahmar..".

Pada umumnya orang-orang Melayu melihat kepada proses biologikal akibat penyakit, seperti cecair, nanah dan lendir yang keluar dari barah, kayap

dan batok. Di samping itu mereka juga melihat kepada perlakuan orang yang sakit. Perlakuan melibatkan dua aspek-lisan dan fizikal. Orang yang sentiasa menggaru bahagian tubuhnya yang dijangkiti kayap, atau meludahkan lendir ketika batuk yang tak putus-putus tidak lagi menjadi satu kelainan daripada perlakuan kebiasaannya, tetapi kini adalah perlakuan kebiasaan orang yang berpenyakit. Perlakuan di sini lebih mencerminkan gangguan atau keadaan kurang selesa seseorang, dan juga menyebabkan gangguan kepada orang lain yang berhubungan dengannya.

Konsep penyakit dikaitkan juga dengan perangai individu. Sifat-sifat yang dinilai sebagai negatif seperti penyegan (malas), pendengki, pengotor, pemaarah seringkali dianggap penyakit. Maksud penyakit di sini ialah sifat-sifat tersebut adalah sifat peribadi yang bersifat sementara. untuk menyembuhkan penyakit sedemikian seseorang harus sanggup untuk mengubah perangai buruknya. Bang Mat pernah beberapa kali dikunjungi oleh pelanggan untuk mengatasi masalah yang berhubung dengan 'sempit rezeki'.

Pa' Ya, seorang buruh dengan Majlis Perbendaran Alor Star berjumpa Bang Mat untuk memberitahu dia mengalami kesempitan wang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Gaji tak bertambah, tapi anak bertambah. Setelah berkali-kali mengadu hal yang sama, Bang Mat bertanya "Hang balik kerja pukul berapa?". "Saya habis kerja pukul satu" jawab Pa' Ya. Tanya Bang Mat lagi "Lepas tu hang buat apa?". "Lepas makan saya tidur". Bang Mat bertanya lagi "Dah berapa lama hang duk buat macam tu?". Jawab Pa' Ya "Dah banyak tahun".

Lalu Bang Mat menjawab "La ni macam ni. Bila balik kerja hang jangan tidur lagi. Hang pi kedai, hang tengok macam mana orang berniaga". Kata Bang Mat "Hang tengok dulu. Pelan-pelan hang akan tau orang beli apa, banyak mana, dan berapa harga. Lepas tu hang minta kerja kat toke jadi pembantu kedai. Tak banyak sikitpun dapat juga hang tambah duit"

Jadi penyegan atau pemalas itu dianggap sejenis penyakit, iaitu penyakit yang ada kaitan dengan tabiat yang sukar diubahi melainkan dengan kesedaran dan kesungguhan daripada orang yang mengalaminya. Menurut pengamal di atas "Kalau dah kena penyakit segan tak boleh nak buat apa" ketika beliau merumuskan tentang Pa' Ya dan beberapa orang lagi pelanggan yang mempunyai masalah serupa.

Konsep penyakit tidak hanya terbatas kepada kesakitan akibat proses biologikal, ianya juga dikaitkan dengan perubahan perlakuan. Gila, misalnya disebut sebagai sakit gila. Orang yang mengalami sakit gila atau penyakit gila dipercayai tidak mengalami sebarang kesakitan fizikal. Penyakit gila mencerminkan seseorang yang tidak dapat berfikir dengan waras lagi. Kelakuan orang gila tidak seperti orang biasa, dia seorang 'yang tidak siuman' - dia bercakap seorang, ketawa, dan kadang-kadang menangis tanpa sebab. Dia berjalan ke sana ke mari sehelai sepinggang. Kadang-kadang dia mengutip apa sahaja barang buangan di tepi jalan. Pakaiannya compang camping dan kotor, dan dia tidak berkasut.

Penyakit gila terbahagi dua. Pertama, gila yang mengganggu ketenteraman orang lain. Gila jenis ini ditakuti oleh keluarga dan masyarakat kerana perlakuan orang yang gila itu bukan sahaja setakat mengganggu ketenteraman, malah boleh mencederakan orang yang tidak bersalah. Untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku orang yang gila itu mungkin dikurung di bawah rumah atau di dalam bilik. Walau bagaimanapun makan minumannya diberikan oleh orang yang menjaganya.

Kadang-kadang orang yang gila menjadi terlalu liar. Secara tiba-tiba dia mengamuk. Mengamuk seperti ini dikategorikan sebagai suatu manifestasi seorang yang gila. Dalam keadaan yang lain pula seseorang boleh jadi mengamuk dengan tiba-tiba. Keadaan sebegini mempunyai dua sudut. Pertama, mengamuk terjadi kerana pelaku 'dirasok sesuatu' (biasanya jin atau syaitan). Kedua, ia mencerminkan seseorang yang hilang sabar, lalu dia mengambil tindakan secara melulu. Tercetusnya amok sering dikait dengan masalah peribadi, bukan dengan penyakit tertentu.

Kedua, ialah gila yang tidak mengganggu. Apabila dia letih daripada bercakap seorang diri atau merayau-rayau, dia duduk atau baring di suatu tempat, dan lazimnya dia tidak dipedulikan oleh sesiapaupun. Sungguhpun demikian, penyakit gila babi tidak termasuk dalam kategori di atas. Sebaliknya, ia adalah suatu penyakit fizikal dan spiritual yang tidak diketahui puncanya

secara tepat. Perlakuan orang yang mengalaminya yang mempunyai ciri-ciri perlakuan seekor haiwan dianggap tidak normal. Perkataan gila itu sendiri membawa maksud 'keadaan fikiran yang tidak tentu' atau 'keadaan fikiran yang dipenuhi dengan sesuatu'. Gila talak bukan suatu penyakit fizikal, tetapi perlakuan seorang yang ingin berbalik dengan bekas isteri atau suami setelah bercerai.

Tidak semua perlakuan yang dianggap ganjil oleh masyarakat menjadikannya penyakit. Perlakuan orang nyanyuk dianggap suatu kebiasaan. Ini didasarkan kepada perlakuan yang bersifat sementara, kerana orang yang nyanyuk akan kembali kepada keadaannya yang normal dalam masa yang singkat, dan pelaku tidak mengalami sebarang kesakitan dan tidak pula dia mencederakan sesiapa.

iii) Sakit

Sakit adalah singkatan dari perkataan kesakitan yang dirasakan, yang mungkin disebabkan oleh sesuatu penyakit atau kecederaan (luka, terbakar, terjatuh, dsb.). Untuk bertanya tentang penyakit seseorang lebih kerap bertanya 'apakah sakitnya?' daripada 'apakah penyakitnya'. Di antara jawapan kepada soalan ini ialah 'sakit perut', 'sakit gigi', 'sakit dada', 'sakit mata' dan bermacam-macam lagi.

Sakit melibatkan kesakitan atau penderitaan, sama ada sedikit atau banyak. Semasa sakit seseorang juga merasa tidak selesa. Orang yang sakit mata mengalami kepedihan dan orang yang sakit gigi mengalami denyutan. Bukan semua sakit melibatkan keadaan tidak normal atau menimbulkan kesakitan. Dalam beberapa keadaan sakit dikaitkan dengan kelemahan fizikal dan masalah-masalah yang berulang. Sakit tua dikaitkan dengan sengal-sengal tulang atau sendi, selalu buang air atau kurang selera makan. Sakit juga dihubungkan dengan penyakit yang dialami oleh golongan tertentu. Misalnya, ungkapan 'sakit orang perempuan' digunakan untuk membayangkan penyakit seperti penyakit keputihan atau keuzuran selepas bersalin.

4.4. ETIOLOGI PENYAKIT DAN KEUZURAN

Penyakit dan keuzuran terbahagi kepada dua golongan utama, iaitu yang bersifat zahir (fizikal) dan yang bersifat batin (spiritual). Dalam setiap golongan terdapat beberapa pecahan.

4.4.1 Faktor zahir atau fizikal

Golongan pertama ialah penyakit atau sakit yang dialami pada mana-mana bahagian luar dan dalam tubuh. Kebanyakan penyakit yang menyakiti atau menjejaskan anggota seperti sakit kurap, sakit barah, sakit perut dikaitkan dengan perlakuan manusia sendiri, sama ada secara diketahui atau tidak. Sakit

perut mempunyai beberapa punca. Di antaranya makan benda- benda bisa (seperti nenas, ikan 'bisa', buah belum cukup masak), makan terlalu banyak pada satu masa, makan nasi mentah. Kadang-kadang sakit perut adalah disebabkan 'perut kosong' (kelaparan) terlalu lama sehingga 'masuk angin'. Sakit perut juga boleh disebabkan 'tidak lawas buang air besar'. Ini mengakibatkan seseorang merasa tidak selesa.

Kesakitan di tahap zahir mudah difahami kerana ia dapat dikaitkan dengan punca-punca yang dapat dilihat atau dirasakan oleh orang yang mengalami. Barah, bisul dan bengkak tergolong dalam penyakit atau sakit yang menyebabkan se bahagian anggota luar mengalami perubahan, menjadi bengkak, bermata atau berpusat dan sakit. Bengkak kerap dikaitkan dengan gigitan binatang bisa seperti lipan, kala jengking, lebah, tebuan, penyengat. Bengkak boleh juga disebabkan tercucuk benda-benda tajam seperti duri. Sakit boleh berpunca daripada perbuatan sama ada secara sengaja atau tidak. Termasuk dalam golongan ini ialah kecederaan yang menyebabkan luka yang parah (seperti terkena benda tajam), kelecuman akibat tertumpah minyak atau air panas, jatuh, dan kebakaran.

Punca barah dan bisul berkait dengan 'darah kotor', atau 'panas badan'. Kedua-dua konsep ini dipercayai, walaupun tidak dilihat atau tidak disedari. Punca penyakit dan keuzuran bersifat fizikal dikaitkan juga dengan alam

persekitaran – perubahan cuaca dan bencana alam. Sekiranya ramai penduduk yang mengalami demam selema, dikatakan terdapatnya wabak demam selema, dan ini dikaitkan dengan 'musim penyakit'.

Penyakit juga dikaitkan dengan faktor kuman. Kuman ditakrifkan sebagai 'benda seni' (halus, tetapi masih boleh dilihat dengan mata kasar). Contoh penyakit yang dikatakan berpunca daripada kuman ialah resdong. Kadang-kadang kuman resdong disebut sebagai cacing resdong. Cara kuman atau cacing masuk ke dalam badan ialah melalui makanan dan udara.

4.4.2 Faktor spiritual

i) Hubungan manusia-Allah

Berdosa: Mengikut Islam penyakit merupakan ketentuan Allah ke atas seseorang. Jadi, ia tergolong di bawah qada' dan qadar Allah. Ini merupakan kategori umum, tetapi pada dasarnya seseorang tidak dapat mengenalpasti sebab-sebab qada' dan qadar terjadi. Hal ini merupakan di antara perkara-perkara ghaib yang amat sukar bagi seseorang untuk mengetahui. Sungguhpun begitu, seorang individu boleh meneka sebab atau sebab-sebab dia mendapat penyakit.

Biasanya seorang mencari-cari apakah kesalahan yang telah dilakukannya. Kesalahan-kesalahan tergolong kepada beberapa jenis, satu

kesalahan kepada Allah, kedua, kepada ibu-bapanya, ketiga kepada orang lain, dan akhir sekali kepada haiwan dan faktor alam yang lain.

Zalim: Kesalahan kepada Allah terdiri daripada kecuaiian seseorang untuk menunaikan kewajipan yang perlu ditunaikan sebagai seorang muslim. Di antara yang wajib ialah mendirikan sembahyang, berpuasa dan mengeluarkan zakat diri dan harta. Kesalahan kepada kedua ibu bapa ialah mengabaikan tanggung jawab terhadap ibu bapa seseorang. Ini termasuklah tidak menghormati mereka dan tidak memberikan nafkah di ketika mereka tidak berkemampuan untuk menanggung sara hidup sendiri. Kesalahan kepada orang lain merangkumi pelbagai perkara-perkara yang tidak seharusnya dilakukan oleh seorang muslim terhadap sesama Islam yang dianggap saudara. Kesalahan terhadap haiwan dan alam merupakan perbuatan-perbuatan yang selalunya tidak dipedulikan oleh sesetengah orang. Mereka menganggap golongan itu mahluk yang rendah mertabatnya, dan oleh hal yang demikian manusia boleh melakukan perkara-perkara yang tidak dilakukan kepada sesama manusia, seperti mengurung, menyiksa atau membiarkan haiwan tanpa diberikan makanan, tempat berlindung dan penjagaan daripada penyakit.

ii) Hubungan manusia sesama manusia

Perkara-perkara yang jelas bertentangan dengan norma dan nilai-nilai

hidup berkeluarga dan bermasyarakat seharusnya disedari oleh setiap muslim lelaki dan perempuan, namun ramai yang tidak mengambil berat. Golongan remaja yang meninggalkan keluarga mereka mungkin beranggapan mereka kini mempunyai kebebasan untuk berbuat demikian setelah keluarga mereka menegah mana-mana perbuatan yang dianggap tidak baik. Perbuatan sebegini dianggap berdosa. Di antara pelbagai kesalahan ini kesalahan kepada kedua ibu bapa tergolong dalam dosa besar.

Orang yang menyedari akan kesalahannya dan ingin memperbaiki sikapnya digalakkan untuk memohon ampun kepada Allah dan kepada orang-orang yang terlibat. Terjadinya penyakit di kalangan mereka yang telah pun sedar dianggap sebagai ujian terhadap keimanan. Di kalangan mereka yang belum insaf penyakit dianggap sebagai peringatan supaya seseorang segera bertaubat.

Penyakit yang dikaitkan dengan dosa secara umum atau dosa khusus sering terjadi semasa seseorang menghampiri usia tua atau berada dalam tempoh usia lanjut. Selalunya penyakit yang dialami bersifat teruk (menyebabkan kesakitan yang lama, atau sukar diubati), berulang-ulang dan sering diiringi dengan masalah. Seseorang perlu memperbanyakkan ikhtiar rawatan.

iii) Semangat

Terdapat beberapa punca semangat seseorang hilang. Terkejut, mimpi yang sangat menakutkan atau ganjil, dan penyakit adalah punca-punca yang kerap boleh menghilangkan semangat daripada tubuh seseorang. Hilang semangat adalah satu petanda bahawa ianya lemah dan oleh itu perlu dijaga atau diperkuatkan agar tidak mudah hilang atau lenyap. Pada umumnya kanak-kanak dan wanita mudah hilang semangat kerana kedua-dua golongan ini dikatakan sering ditakut-takutkan dengan cerita-cerita yang menggerunkan atau mereka ditegah daripada melakukan sesuatu mengikut kehendak hati. Kesan perlakuan ini menjadikan kanak-kanak dan wanita ketakutan untuk berhadapan dengan perkara-perkara yang tidak diduga. Misalnya, kanak-kanak yang pertama kali terserempak dengan seekor ular mungkin terus pengsan sebelum ular mematuknya. Wanita yang ternampakkan hantu raya terus bisu disebabkan terlalu gerun.

Semangat seseorang boleh dicuri melalui perbuatan sihir. Tujuannya ialah untuk menganiaya mangsa kerana membalas dendam atau untuk membuat mangsa dan orang-orang yang berkaitan dengannya mengikut kehendak orang menganiaya itu. Antara punca kejadian ialah gagal dalam lamaran, dengki terhadap kekayaan dan kejayaan seseorang, dan perebutan harta pusaka.

Semasa ketiadaan semangat seseorang mudah sakit kerana keadaannya yang lemah menyebabkan dia hilang selera makan dan kecergasannya juga mula merosot. Satu perkara yang ditakuti terjadi di masa ini ialah 'kemasukan' jin atau syaitan ke dalam badan mangsa. Apabila ini terjadi maka mangsa mengalami dua keuzuran – spiritual dan fizikal.

iv) Sihir

Sihir ditakrifkan oleh bomoh sebagai 'perbuatan menjadikan sesuatu yang bersalahan dengan adat melalui kuasa ghaib'. Pada umumnya sihir terbahagi kepada (i) sihir mendinding diri (ii) sihir menyebabkan penyakit dan (iii) sihir penyembuh.

Sihir menyebabkan penyakit, juga dikenali dengan ilmu hitam merangkumi pelbagai kaedah yang bertujuan untuk menimbulkan pelbagai masalah kepada mangsa. Daripada ungkapannya adalah jelas bahawa tujuan asas mereka yang melakukan sihir jenis ini adalah jahat. Dengan itu bomoh yang menjalankan kaedah yang berkaitan termasuk ke dalam golongan bomoh jahat.

Satu bentuk sihir yang kini masih didapati ialah santau. Ada dua jenis santau, pertama santau angin dan keduanya ialah santau makan. Pada konsepnya santau adalah racun yang diperbuat daripada bahan-bahan yang

melukakan (seperti kaca, jarum), dan menggatakan (seperti bulu rebung). Setelah dipuja (disihirkan) bahan-bahan ini 'dihantar' melalui angin, atau dihidangkan dalam makanan. Walau apa cara sekalipun, bahan tadi tidak dilihat atau disedari oleh mangsa. Hanya setelah terdapat tanda-tandanya, seperti batok yang tidak puas, sering berpeluh, dan badan terasa panas barulah mangsa mengetahui dia terkena santau.

Satu lagi penyakit yang sering dikaitkan dengan sihir ialah busung. Sekiranya terjadi kepada seorang perempuan mungkin dia dianggap sedang hamil (kecuali jika perempuan yang diketahui telah putus haidz), tetapi jika mangsa seorang lelaki pastinya timbul andaian yang bukan-bukan terhadapnya. Kecenderungan untuk menganggap itu petanda perbuatan sihir adalah kuat kerana mangsa juga mengalami kesakitan sedangkan dia tidak mengetahui puncanya.

Satu lagi bentuk sihir yang berleluasa dalam masyarakat ialah ubat pengasih atau minyak pengasih. Sihir digunakan untuk menimbulkan perasaan kasih pada diri seseorang kepada lelaki atau wanita yang sebelumnya tidak dikenali ataupun dikenali tetapi bukan sebagai orang yang disayangi. Seseorang yang dikatakan telah terkena minyak pengasih mula teringat-ingatkan orang yang mengenakan minyak tersebut kepadanya.

Kerana terlalu sayangkan 'seseorang' mangsa sanggup mengikutnya sama ada untuk berkahwin ataupun untuk tujuan lain.

Dalam hubungan yang sama sihir juga digunakan untuk 'merapatkan' dan 'memisahkan' pasangan. Bagi pasangan yang ingin 'dirapatkan' gambar lelaki perempuan dicantumkan, seolah-olah keduanya sedang berdakapan. Keadaan ini melambangkan percantuman dua jiwa. Sebaliknya, gambar pasangan yang ingin 'dipisahkan' diterbalikkan - lambang pemergian antara satu dengan yang lain. Dalam setiap keadaan mereka yang terlibat secara tiba-tiba menjadi 'kasih' atau 'benci' antara satu dengan yang lain, tanpa terjadinya hal-hal yang berkaitan.

Walaupun kejadian-kejadian yang melibatkan perubahan perasaan terhadap seseorang bukan sebenarnya penyakit fizikal, malah banyak melibatkan aspek jiwa, banyak perlakuan mangsa dianggap keterlaluan dan dengan itu menjadi 'luar biasa' (tidak normal lagi). Misalnya, kerana terlalu asyikkan seseorang, mangsa kurang tidur dan makan dan jika keadaan ini berterusan dia menjadi kurus dan letih.

v) Serasi

Serasi merujuk kepada kesesuaian seorang dengan seorang yang lain atau dengan suatu pekerjaan atau tempat. Kurang serasi atau tidak sesuai sering

mempunyai kehendak tetapi tidak mempunyai keupayaan untuk mencapainya menjadi terlalu risau sehingga boleh menjejaskan fikiran. Pelajar berkehendak untuk berjaya dalam peperiksaan tetapi dia tidak mempunyai keyakinan untuk lulus. Peniaga pula inginkan untuk mempunyai keuntungan secepat mungkin, tetapi modalnya kecil. Pekerja berhajatkan pangkat, tetapi dia kurang berusaha. Keinginan seperti ini boleh menyebabkan seseorang menjadi bimbang dan takut, atau menjadi berangan dan termimpi-mimpikan kejayaan dan kekayaan yang dihayati.

Mengikut bomoh keinginan yang terlalu tinggi atau sukar dicapai atau yang dianggap bukan-bukan sering menjandakan seseorang 'tidak berpijak di bumi nyata'. Sesuatu kehendak yang tidak diasaskan di atas keupayaan atau kemampuan diri menjadikan seseorang bersifat tamak, sanggup menganiaya keluarga atau rakan. Dari satu sudut peribadi, seseorang merasa puas sekiranya dia berjaya mendapat apa yang dihayati. Dari satu sudut lain, kejayaan tersebut disertai dengan sikap-sikap yang buruk, seperti terlalu mementingkan diri sendiri, atau melakukan sesuatu tanpa mengira ianya halal atau haram. Akibatnya dia menjadi orang yang gigih untuk merosakkan orang lain demi mendapatkan sesuatu yang diingini. Misal berikut memperlihatkan sikap seperti ini:

Halim, seorang anak muda yang berasal dari pendalaman Sik berjaya membuka sebuah kedai makan di pekan Guar Chempedak.

Dalam beberapa bulan kedainya menjalankan perniagaan pelanggannya kian bertambah dan menjadi sebutan orang bahawa kedainya menyediakan lauk-pauk yang sedap. Kejayaan ini menimbulkan rasa tidak senang hati Hj. Mansor, juga seorang peniaga kedai nasi di situ. Sebelum adanya kedai Halim, ramai pelanggan mengunjungi restoran Hj. Mansor. Beberapa bulan kebelakangan jelas kepada Hj. Mansor bahawa pelanggannya beransor sedikit. Selama ini beliau yakin bahawa kedainya satu-satunya kedai makan yang popular di pekan Guar Chempedak.

Hari demi hari Hj. Mansor memikirkan bagaimana untuk mendapatkan balik pelanggannya. Apa yang dia tidak tahu ialah faktor-faktor yang menjadikan kedai Halim lebih mendapat sambutan. Halim adalah seorang anak muda yang gigih, cekal dan berbudi. Beliau ingin berniaga secara jujur dan berusaha menceburi bidang perniagaan dengan menerapkan nilai-nilai mesra dan peramah di samping menyediakan makanan yang sedap dan bermutu. Tidak terlintas di hatinya untuk menyaingi perniagaan Hj. Mansor. Faktor persikataran mungkin mempengaruhi minat pelanggan untuk ke kedainya. Kedainya adalah kedai hujung antara deret bangunan kedai baru yang terdapat di pekan tersebut.

Hj. Mansor merasakan bahawa kini timbul persaingan antara Halim dengannya. Pendapatan kedainya merosot. Dalam fikirannya "Aku nak tengok setakat mana dulu. Kalau tak boleh juga, tak taulah"

4.5 PENJENISAN

4.5.1 Tanda dan simptom

Pada umumnya penyakit dikenalpasti melalui perlakuan dan tanda-tanda fisikal, mental atau spiritual pada diri orang yang sakit, atau disebutkan oleh orang-orang yang ada kaitan dengannya. Penyakit juga ditentukan oleh bomoh atau dukun apabila pesakit menemuinya. Penyakit yang diiringi dengan kesakitan biasanya disebutkan sendiri oleh orang yang mengalami. Kata-kata

"saya sakit kepala", atau "saya sakit kaki" adalah kata-kata yang biasa dikeluarkan oleh semua lapisan pesakit. Sama ada kata-kata ini dikeluarkan semasa orang yang mengalami itu benar- benar dalam kesakitan, sedikit atau banyak dianggap petunjuk adanya kesakitan. Darjah kesakitan diketahui daripada ulangan kata-kata 'sakit', nada suara yang menunjukkan pesakit menahan kesakitan yang dialami, dan perlakuan yang lain, seperti memicit-micit kepada atau mengurut-urut kaki yang sakit. Ringkasnya, penentuan penyakit bersifat simptomatik (berdasarkan kepada simptom).

Di samping perlakuan penyakit ditentukan oleh tanda-tanda fisikal. Biasanya ini terdiri daripada perubahan yang berlaku pada anggota yang mengalami penyakit. Pada bahagian-bahagian yang terjadi barah, bisul, pasang-pasang, kelenjar didapati pembengkakan. Selain bengkak kulit luar bahagian yang bengkak menjadi kemerah-merahan dan tegang. Keadaan ini menjadikannya sakit jika disentuh. Bisul yang 'bermata' mengeluarkan nanah atau darah apabila pecah. Kesakitan di masa ini dikatakan sebagai 'bisa' dan 'pedih'. Penyakit keputihan mengeluarkan cecair pekat yang keputih-putihan atau kekuning-kuningan. Perempuan yang mengalaminya jarang mahu menceritakan perkara ini melainkan kepada ibu atau bidan yang merawatnya kerana penyakit ini dianggap sesuatu yang agak memalukan.

Pelbagai penyakit kulit yang mengakibatkan gatal diketahui kerana pesakit tidak teragak-agak untuk menyebut 'gatal' dan untuk menggaru

mana-mana bahagian yang dijangkiti. Antara penyakit yang menyebabkan gatal ialah kurap. Penyakit-penyakit yang dikaitkan dengan faktor spiritual juga diketahui dengan perlakuan-perlakuan yang dikategorikan sebagai 'ganjil' daripada biasa. Orang yang termakan santau menampakkan tahap kesihatan yang semakin menurun dari masa ke masa. Bergantung kepada tempoh yang diinginkan oleh orang yang melakukan sihir, tanda-tanda seperti batok dan berpeluh di peringkat awal tidak menimbulkan kebimbangan. Di pertengahan dan akhir tanda-tanda menjadi lebih kerap dan lebih menjejaskan kesihatan.

Orang yang dirasok pula tiba-tiba menjerit dan bercakap dalam bahasa yang tidak difahami. Lebih menghairankan ialah apabila dia menari-nari dalam keadaan berbogel dan meronta-ronta semasa dipegang oleh bomoh atau ahli keluarganya.

Apa yang penting di sini ialah adanya unsur-unsur perlakuan yang seolah-olah tidak disedari oleh pesakit. Kadang-kadang pesakit mengaku dirinya gelisah, ketakutan dan timbul perasaan untuk lari daripada sesuatu. Walaupun sesuatu pernyataan nampaknya dibuat dalam keadaan yang tenang, namun ia bukan petanda perlakuan yang normal.

4.5.2 'Berat' dan 'ringan'

Dari sudut rawatan penyakit ditentukan oleh pengamal. Menurut bomoh, pada dasarnya tidak terdapat satu pembahagian yang pasti mengenai penyakit

dan keuzuran. Bomoh cenderung menggunakan penyakit 'mudah diubati' dan 'payah diubati'. Penyakit dan keuzuran yang 'mudah diubati' mengambil kira bahan ubat dan pantang-larang yang dikenakan. Kebanyakan penyakit berpunca daripada faktor fizikal seperti demam, cirit-birit, kudis (termasuk penyakit mengikut istilah perubatan moden seperti kencing manis dan lemah jantung) dianggap 'mudah diubati'. Sebaliknya, penyakit dan masalah yang berpunca daripada unsur-unsur ghaib termasuk dalam 'payah diubati'. Asas konsep ini ialah penyakit yang nampak senang dilihat sama ada ia melarat, sembuh atau tidak. Sebaliknya, penyakit yang bersifat spiritual tidak dapat dilihat, memerlukan ilmu ghaib untuk mengenalpasti punca dan kaedah rawatan. Apa yang menjadi masalah dalam rawatan ialah memenuhi syarat-syaratnya.

Meskipun demikian, pembahagian kepada 'ringan' dan 'berat' boleh digunakan oleh kerana terdapat beberapa ciri yang menunjukkan 'ringan' dan 'berat' sesuatu keadaan. Antara ciri-ciri itu ialah:

- (i) punca
- (ii) tanda-tanda
- (iii) penderitaan/kesakitan yang dirasakan
- (iv) bahagian yang terlibat
- (v) lama masa
- (vi) rawatan

Ringkasnya, penyakit-penyakit yang ringan adalah yang berpunca dari elemen yang kecil atau sedikit, melibatkan anggota kecil, sedikit kesakitan dan melibatkan rawatan yang mudah. Punca penyakit boleh bersifat fizikal atau spiritual. Demam yang disebabkan ketegoran atau sampokan selama 1-2 hari dijeniskan sebagai penyakit ringan. Biasanya rawatan yang dilakukan ialah minum air jampi. Begitu juga dengan sakit-sakit seperti sakit tekak, pening, lengoh-lengoh termasuk dalam jenis ringan jika dilihat kepada punca-punca fizikal seperti badan panas atau melakukan kerja-kerja berat. Sebaliknya, santau atau barah dalam perut termasuk dalam jenis penyakit berat. Keuzuran yang dianggap ringan juga dihubungkan dengan punca zahir atau fizikal seperti sakit perut kerana tersalah makan, demam biasa dan terseliuh. Sebaliknya, santau dan 'tuju-tuju' yang disebabkan sihir digolongkan sebagai penyakit berat. Manakala keuzuran yang bersifat zahir seperti barah dalam perut, resdung (melarat) termasuk dalam jenis berat.

Penyakit berat juga dikenali juga sebagai penyakit teruk. Ciri-cirinya termasuklah sifat penyakit yang melarat. Punca penyakit mungkin dianggap kecil, seperti terkena duri, tetapi ternyata melarat, iaitu merebak menjadi pekong. Apabila ini berlaku bomoh perlu mencari punca ghaib kerana jika ini tidak dilakukan rawatan yang tepat tidak dapat dilaksanakan. Penyakit yang jelas sukar diubati selalunya adalah jenis berat. Ini kerana pesakit terpaksa menderita untuk tempoh yang lama. Bukan sahaja keadaan ini menjejaskan

keadaan fizikal, bahkan keadaan mental dan jiwanya. Berat atau teruk dikaitkan juga dengan kemungkinan kematian.

Penyakit-penyakit ringan juga disebut sebagai penyakit biasa. Biasa adalah ukuran kepada kekerapan penyakit berlaku dalam masyarakat. Bukan sahaja ia kerap terjadi, bahkan setiap golongan masyarakat mengalaminya. Bersandarkan ciri-ciri ini selesma, demam, sakit gigi, sakit perut dan kudis adalah dijenis sebagai penyakit biasa. Penggunaan ungkapan 'biasa' mencerminkan juga sesuatu penyakit itu tidak menimbulkan kehairanan masyarakat.

Lawan penyakit biasa ialah luar biasa. Luar biasa memberi erti kejadian itu jarang berlaku, ganjil, pelik dan biasanya ia menghairankan. Pada kebiasaannya punca penyakit luar biasa tidak dapat dikenalpasti oleh bomoh, apatah lagi oleh pesakit. Ianya perlukan siasatan terpeinci yang melibatkan perkara-perkara yang mungkin dianggap aneh yang dialami oleh pesakit. Setelah diketahui barulah iktiar untuk merawatnya dapat dilakukan. Sungguhpun demikian penyakit ganjil atau pelik tidak pula bererti ia berat. Luar biasa mencerminkan tentang penelitian yang lebih mendalam terhadap tanda-tanda dan puncanya supaya rawatannya boleh dijalankan. Mungkin rawatan memerlukan bahan-bahan yang sukar diperolehi. Merawat penyakit luar biasa memerlukan bomoh mencungkil kesemua ilmu yang ada pada diri. Bomoh perlu juga mengerjakan beberapa amalan batin untuk mendapatkan

petunjuk daripada Allah tentang masalah yang dihadapi. Bomoh juga perlu mencuba beberapa cara untuk melihat sekiranya terdapat perubahan. Sekiranya dia tidak mampu mengubati, dia terpaksa menasihatkan pesakit supaya mencari bomoh yang lebih mahir. Baginya kesembuhan pesakit seperti itu bukan terletak di tangannya lagi. Dalam keadaan sedemikian bomoh perlu memaklumkan dia akan terus berusaha mencari kaedah yang paling sesuai.

4.6 RUMUSAN

Dalam bab ini telah dibentangkan falsafah berhubung dengan kehidupan, kesihatan dan perubatan Melayu. Juga telah dibentangkan konsep-konsep yang berkaitan penyakit dan keuzuran yang terdapat dalam perubatan Melayu. Di bahagian akhir bab ini telah dikemukakan etiologi dan penjenisan penyakit dan keuzuran. Pembentangan ini adalah untuk memudahkan kefahaman tentang prinsip yang digunakan oleh bomoh dalam amalan perbomohan yang akan dihuraikan pada Bab V.